

TARIKH: 10/7/23
SURAT KHABAR: Utusan Malaysia
MUKA SURAT: 5/6/23



MOHAMMED Azman Aziz melepaskan kenderaan pegawai Perkeso yang terlibat dalam Ops Kesan Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 yang turut diadakan serentak di seluruh negara di Mövenpick Hotel And Convention Centre KLIA, Sepang, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

PKS antara culas carum Perkeso

SEPANG: Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang tidak mempunyai pengurusan sumber manusia yang sistematik merupakan antara golongan majikan yang culas mendaftarkan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bagi pekerja mereka.

Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, majikan itu juga dilihat mempunyai tahap kesedaran yang rendah untuk mendaftarkan pekerja tetap atau sambilan mereka.

“Majikan-majikan kedai kecil, peniaga runcit atau makanan mereka ini yang kebanyakannya tidak mendaftar, kalau syarikat gergasi mereka ada bahagian pengurusan sumber manusia yang tahu tanggungjawab.

“Mereka ini yang selalu kurang kesedaran kerana tiada sumber manusia dan buat semua kerja sendiri,” katanya selepas melepaskan Operasi Pengesanan Majikan (Op Kes-san) Peringkat Kebangsaan 2023 di Kota Warisan semalam.

Selain isu PKS, Mohammed Azman berkata, masih terdapat majikan yang tidak mendaftarkan caruman bagi pekerja sambilan dengan memberi alasan bahawa mereka tidak tahu bahawa pekerja terbabit perlu didaftarkan.

“Ini agak mengecewakan kerana majikan hanya menjalankan aktiviti perniagaan tetapi tidak melihat tanggungjawab mereka untuk mendaftarkan pekerja dan memastikan caruman pekerja dibayar,” ujarnya.